

Eksport perabot kayu dijangka cecah RM23 bilion

Oleh SYAHIDI BAKAR
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 SEPT.


NILAI eksport produk perabot kayu tempatan dijangka mencecah RM23 bilion menjelang penghujung tahun ini berikutan permintaan pasaran yang tinggi.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Datuk Dr. Jalaluddin Harun berkata, negara-negara yang menjadi pengimport utama produk tersebut ialah Amerika Syarikat diikuti Jepun, Kesatuan Eropah dan Australia.

Menurutnya, kira-kira RM11 bilion nilai keseluruhan eksport produk perabot dicatat dari Januari sehingga Jun lalu, iaitu peningkatan sebanyak 5.2 peratus berbanding tempoh sama, tahun lalu.

“Nilai pasaran yang kekal positif dan semakin berkembang ketika ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh pemain industri perabot tempatan yang dilihat berpotensi menghasilkan pulangan lumayan.

“Atas dasar itulah, MTIB komited untuk mengembangkan lagi penglibatan anggota masyarakat



JALALUDDIN HARUN menunjukkan pelbagai jenis kayu yang digunakan untuk menghasilkan perabot berkualiti di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

dalam rantai produk perabot sambil didorong kekayaan sumber kayu negara perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh usahawan tempatan khususnya bu-

miputera yang dilihat masih lagi kurang menceburi perniagaan berasaskan perkayuan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Berdasarkan statistik MTIB, tahun lalu sahaja sejumlah RM22.11 bilion nilai eksport produk kayu negara termasuk barangan perabot dicatatkan dan dijangkakan terus positif dari setahun ke setahun.

Jalaluddin memberitahu, daripada jumlah itu, hanya 1.1 peratus atau bersamaan RM200 juta disumbang oleh usahawan bumiputera.

Jelasnya, menyedari peluang pasaran yang terbuka luas dan kekal kondusif, MTIB memperluaskan lagi Projek Rintis SuperBumi yang dimulakan tahun lalu.

“Untuk tahun ini, pelaksanaan program yang selari Dasar Perindustrian Kayu Negara itu menyasarkan lebih ramai usahawan bumiputera dilatih dan dibimbing supaya terlibat secara aktif dalam rantaian perkhidmatan dan sektor perkayuan.

“Usaha dilaksanakan ini turut mendapat sambutan baik daripada pengusaha produk perabot sedia ada, di mana setakat ini sejumlah 26 pengusaha telah menyatakan minat dan bersedia bekerjasama untuk meluaskan lagi pengeluaran serta penghasilan produk perabot tempatan,” ujarnya.